

FWD Invest First Plus – Legacy Plan

Lindungi insan tersayang ketika anda membina sebuah legasi untuk masa depan mereka



Hubungi hotline kami: 1300 13 7988

Adakah anda ingat saat anda menyambut kelahiran mereka dan menjadikan mereka sebahagian daripada keluarga?

Anda tentunya berjanji untuk memberikan masa depan yang terbaik untuk anak-anak dan keluarga anda yang semakin bertambah. Itulah yang dilakukan oleh setiap ibu bapa.

Ketika anda gigih bekerja untuk menyediakan yang terbaik untuk keluarga, anda juga perlu membuat keputusan tentang masa depan mereka. Pastikan mereka dapat menjalani kehidupan seperti biasa tanpa sebarang kebimbangan, malah dengan legasi yang bernilai untuk masa depan sekiranya anda sudah tiada.



FWD Invest First Plus – Legacy Plan ialah pelan takaful berkaitan pelaburan yang menyediakan perlindungan untuk kesejahteraan keluarga dan pada masa yang sama menambah simpanan anda menerusi pelaburan dalam dana pelaburan patuh Syariah untuk digunakan oleh generasi anda yang seterusnya.

FWD Invest First Plus – Legacy Plan membolehkan anda...

- **Melindungi keluarga** jika kejadian yang tidak diingini berlaku dan legasi anda diberikan kepada orang tersayang tanpa proses pembahagian yang rumit.
- **Memberi anda kesenangan** pada masa depan dan memudahkan generasi anda untuk memulakan kehidupan.

Manfaat utama

Manfaat perlindungan di bawah pelan ini

FWD Invest First Plus – Legacy Plan menyediakan perlindungan jika anda mengalami hilang upaya penuh dan kekal (HUPK) atau meninggal dunia.

Manfaat Kematian/HUPK – Akibat semula jadi

Pelan ini akan membayar 100% Jumlah Dilindungi dan nilai Akaun Simpanan Peserta jika orang dilindungi meninggal dunia atau mengalami HUPK akibat semula jadi.

Manfaat Kematian/HUPK – Akibat kemalangan

Pelan ini akan membayar 200% Jumlah Dilindungi dan nilai Akaun Simpanan Peserta jika orang dilindungi meninggal dunia atau mengalami HUPK akibat kemalangan.

Manfaat Kematian/HUPK – Akibat kemalangan menaiki pengangkutan awam

Pelan ini akan membayar 500% Jumlah Dilindungi dan nilai Akaun Simpanan Peserta jika orang dilindungi meninggal dunia atau mengalami HUPK akibat kemalangan semasa menaiki pengangkutan awam.

Bantuan pada saat yang diperlukan

Pada saat anda kehilangan orang yang tersayang, bantuan walau sekecil mana sekalipun tetap memberi manfaat. Kami sentiasa bersedia membantu keluarga anda bangkit semula dengan bantuan kewangan dan juga emosi.



Kaunseling kesedihan

Pelan ini membayar maksimum sebanyak RM2,000 sehingga 10 sesi kaunseling.



Manfaat kematangan

Pelan ini akan membayar 100% nilai Akaun Simpanan Peserta setelah sijil matang.



Rundingan guaman

Pelan ini membayar bayaran maksimum sebanyak RM2,000 sehingga 3 sesi rundingan guaman.



Perkongsian lebih

Perancangan kewangan yang baik wajar diberikan ganjaran. Nikmati Perkongsian Lebih 50:50 antara FWD Takaful Berhad (pengendali takaful) dan peserta yang layak dengan lebihan peserta diperuntukkan ke dalam Akaun Simpanan Peserta anda.



Badal Haji

Pelan ini menyediakan bantuan Badal Haji bagi pelanggan beragama Islam atau bayaran manfaat sekali gus sebanyak RM2,000 bagi pelanggan bukan beragama Islam.

Pelan yang mengikuti perubahan kehidupan

Perjalanan hidup penuh liku-liku. Maka apabila keadaan hidup berubah, kami memahami bahawa pelan perlindungan dan simpanan anda juga perlu berubah.

Pilihan kenaikan jumlah dilindungi secara automatik

Pilih untuk meningkatkan jumlah perlindungan secara automatik sebanyak 5% setahun sehingga 6 tahun berturut-turut. Peningkatan ini membolehkan perlindungan anda seiring dengan kenaikan kos sara hidup tanpa sebarang pengunderitan.



Apabila anda membuat pilihan ini, jumlah dilindungi anda akan meningkat sebanyak 5% setiap tahun sehingga 6 tahun berturut-turut.

Kenaikan jumlah dilindungi berdasarkan peristiwa

Peristiwa penting dalam hidup anda seperti perkahwinan dan menimang cahaya mata biasanya akan mengubah kedudukan kewangan dan tanggungjawab anda. FWD Invest First Plus – Legacy Plan menawarkan anda peluang untuk meningkatkan perlindungan apabila anda mencapai beberapa peristiwa penting dalam hidup anda.

- Berkahwin,
- Membeli rumah,
- Memulakan kerja bergaji yang pertama.
- Menimang cahaya mata atau mengambil anak angkat,
- Menamatkan pengajian ijazah pertama,

Anda hanya boleh meningkatkan jumlah dilindungi menggunakan ‘Pilihan kenaikan berdasarkan peristiwa’ sekali sahaja untuk setiap peristiwa dalam hidup anda dan hanya dua kali sahaja semasa tempoh sijil. Setiap peristiwa akan meningkatkan jumlah dilindungi sebanyak 10% dalam tempoh masa 90 hari selepas orang dilindungi mengalami peristiwa tersebut dalam hidup mereka.

Membina legasi mengikut kemampuan anda

Anda mungkin memiliki matlamat untuk menyimpan bagi tujuan tertentu, namun sesuatu yang tidak diingini boleh berlaku. Oleh itu kami memahami bahawa anda mungkin memerlukan fleksibiliti untuk mengakses dana anda tanpa menjelaskan rancangan masa depan.

Pengeluaran berkala

Anda boleh membuat pengeluaran berkala untuk memenuhi keperluan semasa dan pada masa yang sama, masih meningkatkan wang simpanan anda.

Pengeluaran separa

Kecemasan boleh berlaku pada bila-bila masa. Jika terdapat keperluan, anda boleh membuat pengeluaran separa pada bila-bila masa tanpa sebarang caj tambahan.

Menukar dana

Nikmati fleksibiliti untuk menukar dana secara percuma apabila strategi pelaburan dan tahap pengambilan risiko anda berubah mengikut masa.

Bagaimana pelan ini berfungsi

Pada usia 40, keutamaan Anwar untuk keluarganya berubah. Walaupun keperluan untuk melindungi dan menjaga keluarganya masih penting, Anwar juga mahu membina legasi untuk diwarisi oleh anak-anaknya. FWD Invest First Plus – Legacy Plan ialah pelan takaful berkaitan pelaburan yang membolehkan Anwar mencapai kedua-duanya dengan mengimbangi keperluan untuk perlindungan dan pada masa yang sama menambah simpanan melalui pelaburan.



Dia memilih kenaikan jumlah dilindungi secara automatik supaya Jumlah Dilindungi meningkatkan kepada RM650,000 pada Tahun 6.



Anwar memilih untuk menyertai pelan dengan Jumlah Dilindungi minimum sebanyak RM500,000 dengan tempoh perlindungan sehingga umur 80 tahun.



Pada 65, Anwar terlibat dalam satu kemalangan yang tidak dijangka dan meninggal dunia. Keluarga beliau menerima bayaran sebanyak RM1,300,000 (200% jumlah dilindungi) dan juga nilai Akaun Simpanan Peserta.



Keluarganya juga boleh mendapatkan sokongan melalui manfaat Kaunseling Kesedihan dan Rundingan Guaman bagi membantu mereka melalui tempoh sukar tersebut serta menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan undang-undang berikutan kematian Anwar. Pelan ini turut menyediakan sokongan melaksanakan Badal Haji untuk keluarganya.

Langkah pertama: Menilai bagaimana anda mahu harta peninggalan anda diagihkan

Kadar kos sara hidup harian yang semakin meningkat akan menjelaskan nilai simpanan anda. Jika anda mahu menyediakan sekuriti kewangan yang berpatutan kepada keluarga anda, maka anda mungkin mahu mempertimbangkan FWD Invest First Plus untuk meningkatkan nilai harta peninggalan anda.

Sebagai contoh, Anwar mempunyai 3 orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Beliau yakin anak perempuannya mampu untuk menguruskan dan meneruskan perniagaan beliau. Tetapi beliau juga mahu menyediakan sekuriti kewangan yang berpatutan untuk ketiga-tiga anak lelakinya.



Apabila Anwar meninggal dunia, anak perempuannya akan mewarisi perniagaan beliau dan aset cair beliau boleh diagihkan kepada ketiga-tiga anak lelakinya dengan sama rata.

Langkah kedua: Seimbangkan objektif dan prinsipal anda

Apabila anda melabur bagi tujuan perancangan legasi, anda perlu menilai kapasiti kewangan anda dengan jelas dan seimbangkan dengan kesediaan anda untuk mengambil risiko dan juga jenis-jenis risiko. Ini adalah penting kerana melabur dalam pelan berkaitan pelaburan Takaful adalah komitmen jangka panjang.



Kapasiti

- Tempoh masa
- Situasi kewangan




Kesediaan

- Objektif pelaburan
- Toleransi terhadap risiko
- Sikap ke atas risiko

Sila berbincang dengan ejen kami, mereka sedia memberi panduan kepada anda.

Apakah makna risiko dan ganjaran kepada anda?

Tiada pelaburan yang tiada risiko. Wang tunai melindungi prinsipal dengan pulangan yang rendah yang mana ini akan menghalang anda daripada mencapai objektif kewangan anda. Jika anda mempelbagaikan pelaburan ke dalam aset yang lebih berisiko dengan cara berhemat, ia akan membantu anda menguruskan ketidakpastian. Walau bagaimanapun, ia juga tidak dapat menjamin keuntungan atau melindungi anda daripada kemungkinan mengalami kerugian.



Bagaimana cara untuk anda memilih dana pelaburan yang sesuai?

Apabila ia berkaitan dengan wang, ada beberapa faktor yang perlu diteliti ‘Bagaimana’ dan ‘Kenapa’ kita membuat keputusan. Di bawah adalah 4 contoh personaliti utama yang boleh membantu anda menilai dana mana yang sesuai untuk anda. Ini merupakan panduan ringkas untuk menilai personaliti anda sebagai seorang pelabur.

Pengumpul	Pengikut	Pemelihara	Berdikari
<ul style="list-style-type: none"> Berminat untuk mengumpul harta. Mahu mengawal keputusan untuk melabur. Yakin dengan keputusan berkaitan pelaburan yang mereka ambil. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengikut kawan-kawan atau trend pelaburan baru. Kurang minat atau pengetahuan mengenai pelaburan. Proses membuat keputusan selalu tidak mengambil kira perancangan masa panjang. 	<ul style="list-style-type: none"> Menekankan keselamatan kewangan. Bimbang tentang kerugian dan prestasi jangka pendek. Takut akan membuat keputusan pelaburan yang salah. 	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai idea-idea sendiri dan suka melibatkan diri dalam proses pelaburan. Seorang yang mempunyai pemikiran yang analitis dan kritis. Mungkin menunjukkan keputusan berat sebelah berdasarkan kajian sendiri.

Sumber: CFA Institute

Mulakan simpanan untuk matlamat anda melalui FWD Invest First Plus

Potensi pulangan pelaburan

Untuk perancangan kewangan, kos adalah lebih besar jika anda bertangguh ke hari esok. Perancangan kewangan yang lebih awal memberikan pulangan yang lebih baik.


	Mula menyimpan pada umur	Tempoh	Sumbangan bulanan	Akaun Simpanan Peserta (PSA) pada umur 60 tahun
Anwar	50	10 tahun	RM700	RM103,314
Raj	30	30 tahun	RM500	RM210,347

Dengan andaian pulangan pelaburan 5% dalam tempoh tersebut

Pemenang yang jelas!

Andaian pulangan pelaburan yang digunakan di atas hanyalah sebagai gambaran dan tidak menunjukkan kemungkinan pulangan bagi dana(-dana) pelaburan pilihan anda. Pulangan pelaburan adalah berdasarkan prestasi sebenar dana dan ia tidak dijamin.

Permulaan awal akan membantu anda meminimumkan impak inflasi



Apakah maknanya kepada anda?

Inflasi yang sederhana boleh mengurangkan kuasa membeli anda dengan drastik!

Walaupun pada kadar yang rendah pada hari ini, inflasi boleh memberi kos yang besar ke atas nilai wang anda, membuatkan ia tidak mencukupi apabila anda memerlukannya.

Manfaat-manfaat lain

Anda juga boleh menyertai mana-mana pelan rider yang boleh diambil dengan FWD Invest First Plus bagi meningkatkan lagi perlindungan anda secara keseluruhan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang pelan rider, sila layari fwd.com.my atau bertanya dengan para ejen kami.

Pilihan dana-dana pelaburan dan caj wakalah pengurusan dana

Sila layari laman sesawang kami di fwd.com.my untuk lebih memahami profil risiko setiap dana.

Nama dana	Caj wakalah pengurusan dana (setahun)
FWD Takaful LifeSelect Fixed Income Fund	1%
FWD Takaful LifeSelect Equity Fund	1.5%
FWD Takaful Dynamic Fund	1.5%
FWD Takaful Asia Pacific Islamic Equity Fund	1.5%
FWD Takaful Islamic Sukuk Fund	1%
FWD Takaful World Islamic Equity Fund	1.5%

Tempoh kemudahan tidak luput 5 tahun

Sijil anda tidak akan luput dalam lima (5) tahun pertama sijil jika tiada pengeluaran dibuat dan tiada perubahan pada sumbangan dan jumlah dilindungi serta Akaun Simpanan Peserta tidak mempunyai dana yang cukup untuk membayar yuran tabarru' dan sijil.

Cuti sumbangan

Pelanggan boleh mengambil cuti sumbangan dan yuran sebanyak 2% akan dikenakan terhadap sumbangan yang terlepas dalam tempoh tiga (3) tahun pertama sijil.

Bila kami tidak membayar sebarang manfaat

Di FWD Takaful, kami tidak akan menetapkan senarai klausa panjang yang tersembunyi yang menghalang kami daripada membayar manfaat kepada anda. Jadi kami telah meringkaskan senarai pengecualian kami kepada hanya 3 kriteria. Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah pelan ini jika tuntutan berpunca daripada:

Bunuh diri, cubaan bunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri

Bunuh diri, cubaan bunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri dalam masa setahun selepas pelan anda bermula atau tarikh terakhir kami menghidupkan semula sijil anda.

Tindakan perang

Tindakan perang (sama ada diisyiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau sebarang peristiwa yang serupa.

Tindakan menyalahi undang-undang

Apabila anda atau orang dilindungi secara sukarela menyertai dalam tindakan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan untuk bertindak yang menyalahi undang-undang.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sija rujuk Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

Kelayakan untuk penyertaan adalah mudah

Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap. Umur orang dilindungi:

Orang Utama	Umur yang melayakkan anda memohon untuk perlindungan	Umur perlindungan tamat
Pemilik sijil	Mesti berumur antara 17 hingga 65 tahun	-
Orang dilindungi	Mesti berumur antara 1 bulan dan 65 tahun	Umur 60/70/80*

*Bergantung kepada umur matang yang dipilih, tertakluk kepada tempoh sijil minima selama 15 tahun.
Note: Umur yang digunakan ialah umur pada hari lahir berikutnya.

Berapakah yuran wakalah

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7-10	11+
Yuran Wakalah	40%	40%	40%	20%	20%	20%	5%	0%

Kami akan menolak peratusan sumbangan yang dibayar sebagai yuran pendahuluan. Caj ini adalah berdasarkan sijil dengan sumbangan berkala. Caj yang lebih rendah akan dikenakan untuk sijil tempoh yang lebih pendek. Semua sumbangan tambahan akan dikenakan yuran wakalah sebanyak 5%. Anda boleh merujuk kepada ilustrasi manfaat untuk yuran Wakalah bagi tempoh sijil tertentu yang anda pilih.

Adakah kami patuh Syariah?

1. Kami menguruskan sumbangan anda dan operasi takaful kami berdasarkan kontrak Syariah Wakalah dan berpandukan jawatankuasa Syariah kami.



Takaful adalah konsep saling membantu berdasarkan semangat persaudaraan dan solidariti di mana anda dan peserta lain bersetuju untuk memberi bantuan kewangan sekiranya salah seorang peserta lain mengalami kerugian tertentu.



Wakalah bermaksud seseorang melantik satu pihak yang lain sebagai wakilnya.

2. Kami memasukkan sumbangan anda, tolak yuran Wakalah, ke dalam Akaun Simpanan Peserta (ASP) anda. Kami akan menolak tabarru' dari ASP anda setiap bulan dan memasukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Tabarru' digunakan untuk membayar manfaat kepada orang yang layak menerimanya berdasarkan:



Tabarru' adalah derma untuk tujuan takaful.

3. Sekiranya DRP menunjukkan prestasi yang baik, kami akan menerima 50% daripada lebihan sebagai Ju'alah dan baki 50% akan diagihkan kepada para peserta yang layak.



Jika nilai DRP tidak mencukupi untuk membayar tuntutan, kami akan memberikan Qard yang merupakan pinjaman tanpa faedah kepada DRP.



Ju'alah merupakan ganjaran kepada Pengendali Takaful bagi prestasi baik DRP yang akan diuruskan.

Caj wakalah perkhidmatan

Kami akan menolak RM10 setiap bulan daripada Akaun Simpanan Peserta anda.

Tempoh perlindungan

- Minimum – 15 tahun
- Maksimum – apabila orang dilindungi mencapai umur 60/70/80 pada hari lahir berikutnya

Berapakah jumlah sumbangan anda

Sumbangan anda bergantung kepada kriteria berikut untuk orang yang dilindungi di bawah sijil:

- Umur
- Status kesihatan
- Status merokok
- Pekerjaan
- Jantina
- Jumlah dilindungi
- Tempoh perlindungan

Pelan ini menawarkan anda pilihan tempoh bayaran sumbangan yang berbeza:

Pilihan bayaran	Sumbangan minimum
Bayaran berkala	RM1,200 setahun
15 tahun bayaran terhad	RM6,000 setahun
10 tahun bayaran terhad	RM3,000 setahun
5 tahun bayaran terhad	RM2,400 setahun

Nota Penting

1. Risalah ini tidak membentuk kontrak antara anda dengan FWD Takaful Berhad. Terma dan syarat yang lengkap dinyatakan dalam dokumen sijil.
2. Anda berhak mendapat pelepasan cukai individu apabila anda menyertai pelan ini, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
3. Jika Akaun Simpanan Peserta anda menjadi sifar dalam 5 tahun pertama sijil anda, dan jika anda membayar semua sumbangan yang perlu dibayar tepat pada masa dan tidak membuat sebarang pertukaran terhadap terma sijil asal, maka kami tidak akan menamatkan sijil anda.
4. Anda perlu memastikan anda berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar merupakan jumlah yang anda mampu bayar.
5. Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil dan anda masih belum membuat tuntutan, anda mempunyai 15 hari dari tarikh penerimaan sijil anda untuk membatalkannya dan menerima kembali sumbangan anda, ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada).
6. Anda perlu terus membayar sumbangan secara konsisten sehingga akhir tempoh sumbangan bagi memastikan anda layak untuk mendapat semua manfaat. Jika anda tidak membayar sumbangan, sijil anda akan kekal aktif selagi nilai ASP anda mencukupi untuk membayar semua bayaran tabarru' dan bayaran lain yang berkaitan. Jika tidak, sijil anda akan luput. Ini tertakluk pada tempoh kemudahan tidak luput 5 tahun.
7. Pelan ini ialah sebuah produk takaful yang terikat dengan prestasi aset sedia ada, dan bukannya produk pelaburan yang khusus seperti unit amanah.
8. Untuk maklumat lanjut tentang yuran, bayaran dan butiran produk yang lain, sila rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk dan Ilustrasi Manfaat yang disediakan oleh Ejen kami.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen anda, hubungi hotline kami atau layari laman web kami di fwd.com.my



Khidmat Hotline
1300 13 7988



Anda sudah menjadi
pelanggan? Sila log masuk
ke portal pelanggan kami

Mengenai FWD Takaful Berhad

FWD Takaful Berhad (“FWD Takaful”) adalah pengendali Takaful di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan Takaful keluarga. FWD Takaful dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Ditubuhkan di Asia pada tahun 2013 dengan matlamat sebagai perintis, Kumpulan FWD (“FWD”) adalah perniagaan insurans utama kumpulan pelaburan, Pacific Century Group.

Ia adalah unit perniagaan Takaful FWD – yang merangkumi 10 pasaran di Asia termasuk Hong Kong SAR & Macau SAR, Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura, Vietnam, Jepun, Malaysia dan Kemboja; menawarkan insurans hayat dan perubatan, insurans am, pelan perlindungan pekerja, pelan perlindungan Shariah dan Takaful keluarga merentasi beberapa pasarannya.

FWD menumpukan usaha untuk mencipta pengalaman pelanggan yang baru dan menjadikan insurans lebih mudah, cepat dan lancar, dengan pembaharuan yang inovatif dan pelan perlindungan yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang didorong oleh pelanggan ini, FWD mensasarkan untuk menjadi peneraju insurans Asia yang mengubah pandangan terhadap insurans.

Untuk maklumat lanjut, sila layari fwd.com.my.